

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YBHG. DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
[ KIMANIS ]**

**TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- a. Apakah perancangan Kerajaan bagi menaiktaraf dan menambahkan lagi fasiliti sukan di Parlimen Kimanis; dan
- b. Apakah usaha-usaha untuk membangunkan “e-sport” bagi generasi muda untuk negara

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada waktu ini tiada perancangan rasmi untuk membina fasiliti sukan di parlimen Kimanis. Namun begitu, Kementerian ini bersedia untuk melihat semula kemudahan sukan sedia ada di Kimanis yang memerlukan kerja naik taraf atau fasiliti baru untuk kegunaan masyarakat setempat dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebarang perancangan berkenaan perkara ini akan dimuktamadkan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12).

## **NO. SOALAN : 13**

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2020 KBS telah merangka beberapa program pembangunan e-sports peringkat akar umbi dalam pencarian bakat baru seperti berikut:
- i. Pertandingan MyE-sports PES20 Peringkat JBS Negeri pada Julai 2020
  - ii. Pertandingan MyE-sports PUBG Peringkat JBS Negeri pada Julai 2020
  - iii. Kejohanan KBS Ladies PUBG: MyWa "Melestari Wanita Dalam E-sports" pada Julai 2020
  - iv. Penang Open Challenge pada Ogos 2020
  - v. Borneo Open Challenge pada Ogos 2020
  - vi. HBN Online Challenge pada Ogos 2020
  - vii. HSN Online Challenge pada Oktober 2020
  - viii. Bengkel Teknikal E-sports pada September - November 2020

3. KBS juga telah menganjurkan Kejohanan E-sports MyStay@Home Challenge yang telah dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di peringkat negeri dan Kebangsaan. MyStay@Home Challenge dilaksanakan pada 6 – 14 April 2020 melibatkan penyertaan sebanyak 10,560 orang dari seluruh negara. MyStay@Home Challenge 2.0 telah dilaksanakan pada 22 – 28 April 2020 melibatkan penyertaan sebanyak 20,560 orang.

Sekian, terima kasih.